

DBKL cadang tutup Jalan TAR bagi kenderaan setiap Ahad

(12 0605 2022) HARIAN METRO - P.29

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bercadang untuk menutup Jalan Tuanku Abdul Rahman yang lebih dikenali sebagai Jalan TAR, untuk kegunaan kenderaan pada setiap Ahad bermula 28 September.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Jalaluddin Alias berkata, cadangan itu bagi menggalakkan budaya berjalan dalam kalangan warga

kota dan DBKL sedang melakukan sesi libat urus dengan pihak di kawasan terbabit bagi membolehkan penutupan jalan itu direalisasikan.

“Kami hendak tutup Jalan TAR dari simpang Jalan Esfahan sehingga ke Jalan Tun Perak bermula 6 pagi sehingga 12 tengah malam untuk rakyat membudayakan amalan berjalan,” katanya pada sesi soal jawab di Dewan Negara, semalam.

Beliau berkata demikian semasa menjawab soalan **Senator Datuk Dr Dominic Lau Hoe Chai** berkenaan usaha menaik taraf infrastruktur pejalan kaki di Kuala Lumpur dan pembudayaan amalan berjalan kaki dalam kalangan warga kota.

Jaluluddin berkata, pelbagai program pengisian turut dirancang untuk dilaksanakan sepanjang penutupan jalan itu termasuk persembahan pemuzik ja-

lanan (buskers), persembahan seni kreatif serta program sukan tradisional.

Selain itu, beliau berkata, DBKL juga sedang meneliti cadangan untuk melaksanakan perkara yang sama di persimpangan Jalan Pudu sehingga ke persimpangan Jalan Bukit Bintang.

Berkenaan projek menaik taraf infrastruktur laluan pejalan kaki, Jalaluddin berkata, sebanyak 23 kawasan dikenal pasti sebagai ber-

potensi untuk dinaiktaraf.

“Projek itu dirancang supaya ia mempunyai satu jaringan yang lengkap dan apabila ia siap kelak akan memberikan imej baharu atau penjenamaan semula kepada kawasan yang terlibat dan secara tidak langsung boleh dijadikan tarikan pelancongan,” katanya.

Menjawab soalan tambahan **Senator Datuk Seri Zurainah Musa** berkenaan langkah diambil DBKL un-

tuk menjamin keselamatan pejalan kaki, Jalaluddin berkata, kira-kira 5,000 kamera litar tertutup (CCTV) dipasang di seluruh bandar raya dengan 2,062 daripadanya tertumpu kepada laluan pejalan kaki, selain 250 pe tugas penguat kuasa menjalankan rondaan dari semasa ke semasa.

“Jangan risau, keselamatan anda dijamin. Galakkanlah amalan berjalan,” katanya.